

Peliharah muafakat: PM

Perpaduan rakyat pelbagai kaum kekuatan pembangunan negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak masyarakat majmuk Malaysia memelihara semangat permuafakatan dan kerjasama yang menjadi tonggak kekuatan negara sejak awal kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, pembangunan negara yang dinikmati sekarang adalah hasil perpaduan yang terjalin antara rakyat pelbagai kaum dan agama selama ini.

"Perpaduan rakyat Malaysia menjadi kekuatan kepada kita, pastikan-

lah, kekuatan itu (terus) menjadi milik kita pada hari ini.

"Muafakat yang elok, kerjasama kukuh dan berkesan, ini adalah amat perlu," katanya dalam perutusan khas yang disiarkan menerusi radio dan televisyen sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-49 di sini, malam tadi.

Perdana Menteri berkata, dalam memupuk dan memelihara perpaduan, setiap rakyat Malaysia harus bersifat sabar, bertimbang rasa, mengutamakan kerjasama serta saling

menghormati antara satu sama lain.

Merujuk kepada peristiwa 13 Mei 1969, Abdullah mengingatkan warga Malaysia agar mengambil iktibar daripada titik hitam dalam sejarah negara itu dan mengelak melakukan sesuatu yang boleh menggugat perpaduan dan kerjasama antara kaum.

Abdullah berkata, rakyat harus mengelak melakukan apa jua perbuatan yang merosakkan permuafakatan kerana ia akan menghakis dan menghilangkan kekuatan negara.

"Apa yang membuat kesusahan kepada kita, kita perlu elakkan, itulah maknanya kita belajar daripada sejarah, di samping itu, kita juga perlu mengukir sejarah kita, mengukir sejarah membina tamadun pada masa hadapan," katanya.

Abdullah juga berkata, generasi sekarang yang menikmati warisan perjuangan generasi dulu, bertanggungjawab menjadikan Malaysia sebuah negara lebih maju dan berjaya untuk

Wawasan 2020 perlu diutamakan

DARI MUKA 1

diwariskan kepada generasi akan datang.

"Atau pun sekurang-kurangnya sebagai sebuah negara yang mempunyai kerajaan yang ada rancangan tersusun dan diatur dengan baik... supaya negara kita akan dapat meningkat maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, perhatian serius perlu diberikan kepada perjuangan mencapai Wawasan 2020 di mana Malaysia diharapkan diisytiharkan sebagai sebuah negara dan bangsa maju.

Beliau menegaskan, rakyat perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi menghadapi pelbagai cabaran baru seperti globalisasi, liberalisasi serta persaingan daripada negara lain yang ingin merebut pasaran.

"Apakah dalam saingan itu, kita boleh mencapai kemenangan atau tidak? Adakah dalam rebutan itu, kita akan memperoleh sebanyak yang kita perlukan? Ini patut menjadi soalan pada kita dan patut ada jawapan dan 'response' daripada kita yang sebaik-baiknya.

"Dengan itu, adalah harapan saya supaya rakyat dan kerajaan akan terus bekerjasama dan kedua-dua pihak akan memusatkan fikiran dan tenaga untuk menjayakannya," katanya.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri juga mengingatkan sektor awam mereka mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara, walaupun sektor swasta diberi peranan menjana pertumbuhan ekonomi lebih pesat.

"Pihak awam mempunyai kuasa menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dan mampu pula membuat dasar yang diperlukan. Jadi peranan ini tidak boleh ditinggalkan, tidak boleh dianggap sebagai kurang penting," katanya.

Justeru, beliau menegaskan sektor awam mesti berusaha untuk memudahkan sebarang inisiatif yang diambil oleh sektor swasta, yang akan membawa kepada kebaikan dan kemakmuran negara.

Menyentuh sambutan Hari Kebangsaan, Abdullah berkata, ia patut dirayakan dengan penuh bangga oleh seluruh warga negara sebagai rasa syukur dan gembira atas keamanan dan kemajuan yang dikecapi selama ini.

Sepanjang 49 tahun merdeka, Perdana Menteri berkata, Malaysia membangun dengan pesat dan mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, infrastruktur serta pendidikan.

"Sudah semestinya kita bersyukur kerana sepanjang 49 tahun, bolehlah kita katakan negara kita ini berada dalam keadaan yang aman dan selamat bagi rakyat Malaysia walaupun kita masih ingat lagi mengenai peristiwa yang berlaku pada tahun 69 dulu," katanya.

- Bernama